

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perdebatan awal mengenai perilaku pengundi di negara demokrasi barat tertumpu kepada persoalan ‘kenapa setiap parti mendapat sekian banyak undi’ (Butler, 1952). Perdebatan ini dapat dilihat dalam dua sekolah pemikiran klasik seperti berikut: a) ‘Columbia School’ yang asaskan oleh Lazarsfeld, P., Berelson, B, dan Gaudet, H. (1948) dan Berelson, B., Lazarsfeld, P. F. dan McPhee, W (1954); b) ‘Michigan School’ yang dibangunkan oleh Campbell dan rakan (*Campbell et al.*, 1960). Sekolah pemikiran Columbia mendakwa ‘lokasi sosial’ seseorang individu memainkan peranan sebagai penentu, sementara itu sekolah pemikiran Michigan mendakwa pengundi dipengaruhi oleh kesan psikologi jangka panjang atau dimobilisasi oleh parti. Perdebatan awal mengenai perilaku pengundi oleh kedua-dua sekolah pemikiran klasik tersebut membawa kepada pendapat bahawa perilaku pengundi adalah stabil dalam jangka panjang berdasarkan jumlah undi yang diterima oleh setiap parti.

Realiti keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) di kebanyakan negara demokrasi barat seperti di Amerika Syarikat, Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Belanda dan lain-lain semenjak awal tahun 1970an hingga kini menunjukkan bahawa undi adalah tidak stabil (Daalder dan Mair, 1983; Bartel, 2000; Dalton, 2000; Green *et al.*, 2002). Beberapa siri kajian yang dilakukan oleh Russel J. Dalton (1984, 2005, 2007) menunjukkan pengundi yang bersikap ‘partisan’ semakin berkurangan dan bilangan

pengundi yang memiliki tahap literasi politik yang lebih tinggi dan boleh menilai polisi kerajaan semakin meningkat. Kemunculan golongan pengundi ‘apartisan’ menyumbang kepada naik-turun undi terhadap sesebuah parti dan berlaku proses kerenggangan (dealignment) politik.¹

Pembangunan ekonomi, kemajuan dalam pendidikan dan media massa dianggap sebagai penyumbang kepada proses kerenggangan politik apabila pengundi yang berpendidikan tinggi, minat untuk mengikuti perkembangan politik dan dalam masa yang sama boleh menilai polisi kerajaan dan isu-isu semasa tanpa bergantung kepada maklumat yang dibekalkan oleh parti-parti politik. Dalam era kerenggangan ini, para pengkaji perilaku pengundi memperdebatkan kekuatan faktor-faktor jangka pendek yang bermain dalam arena PRU dengan tidak menafikan kesan-kesan jangka panjang seperti yang disuarakan menerusi sekolah pemikiran klasik masih ada (Harrop dan Miller 1987). Antara kekuatan faktor jangka pendek tersebut adalah keadaan ekonomi, polisi yang ditawarkan oleh parti, imej kepimpinan parti dan isu-isu utama yang dimainkan semasa kempen PRU.

1.2 Wacana Perilaku Pengundi di Malaysia

Di Malaysia, kemajuan dalam pembangunan ekonomi dikatakan tidak sejajar dengan peningkatan tahap literasi politik. Ini adalah kerana pertukaran rejim politik tidak pernah berlaku pada peringkat Persekutuan. Kajian-kajian pada peringkat awal menunjukkan bahawa wacana perilaku pengundi banyak berlegar dalam kerangka etnik di mana kumpulan etnik majoriti seperti Melayu cenderung mengundi parti Melayu

¹ Sila lihat muka surat 31-33 dalam bab I dan bab II untuk penjelasan lebih lanjut mengenai konsep kerenggangan politik.

khususnya United Malay Nasional Organization (UMNO). UMNO bersama Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) bergabung dalam Perikatan (semenjak tahun 1952) dan kemudiannya Barisan Nasional (BN)² terus diberi kepercayaan oleh pengundi di Malaysia semenjak merdeka hingga kini (Crouch, 1996: 17-18). Perikatan/BN pada peringkat negeri tidaklah utuh seperti di peringkat Persekutuan. Beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Sabah pernah jatuh ke tangan pembangkang semasa PRU-PRU sebelum 2004. Ini menyebabkan para pengkaji PRU melihat kepada aspek sistem elektoral seperti komposisi kaum dalam sesebuah konstituensi,³ proses persempadanan semula, peranan media massa dan halangan yang dikenakan terhadap pembangkang telah memberi kelebihan kepada Perikatan/BN untuk terus berkuasa.

Walau bagaimanapun, semua dakwaan tersebut perlu diperiksa kembali selepas PRU 2008. Pada 8 Mac 2008, iaitu setahun lebih awal sebelum tempoh pemerintahannya mengikut perlembagaan berakhir, Perdana Menteri Malaysia yang ke lima dan juga pengerusi Barisan Nasional (BN), iaitu Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi mengadakan PRU 12 bagi 222 kerusi parlimen peringkat Persekutuan dan bagi 12 Dewan Undangan Negeri (DUN, tidak termasuk Sarawak). Semasa PRU 2004, Barisan Nasional mencatat rekod kemenangan paling besar dalam sejarah PRU apabila berjaya memperolehi sebanyak 90.4 peratus (199) daripada 219 jumlah kerusi

² Crouch (1996: 17-18). Berikutan penyertaan Sabah dan Sarawak dalam proses pembentukan Malaysia, kerjasama antara parti Perikatan dengan parti-parti politik pada peringkat negeri berlaku di Sarawak (1970), Pulau Pinang (1972, Gerakan) dan Perak (People's Progressive Party). Parti pembangkang Melayu yang utama, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS), menyertai Perikatan pada tahun 1973. Rangkaian kerjasama di pelbagai peringkat, bersama dengan penyertaan gabungan parti yang berkuasa di negeri Sabah, BN telah didaftarkan pada tahun 1974 (Crouch, 1996: 33). Hingga kini, BN yang diterajui oleh UMNO merupakan gabungan parti terbesar di Malaysia dengan 14 buah parti komponen. Kesemua komponen parti BN secara umumnya merupakan parti berasaskan etnik dan walaupun ada parti yang mendakwa bersifat multi etnik, namun pucuk pimpinan dan ahli-ahlinya didominasi oleh kumpulan etnik tertentu sahaja.

³ Ratnam dan Milne (1970) misalnya menyatakan bahawa komposisi etnik di setiap kategori kawasan "was widely believed to have determined the voting". Perikatan kehilangan majoriti dua pertiga semasa PRU 1969 kerana berpunca daripada kehilangan undi di kawasan parlimen campuran (istilah yang digunakan ialah bandar dan separa-bandar, lihat halaman 204).

parlimen. Bagi kerusi DUN pula, BN memenangi sebanyak 453 daripada 505 kerusi yang dipertandingkan (Abdul Rashid Moten, 2009: 174).

Tiga parti pembangkang utama yang bersaing dengan BN semasa PRU 2008 adalah PAS, Democratic Action Party (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). PAS terkenal sebagai parti yang mewakili komuniti Melayu luar bandar dan berhasrat untuk menukar sistem pemerintahan di negara ini kepada sebuah Negara Islam. Dari segi luaran, DAP merupakan sebuah parti multi etnik tetapi realitinya parti tersebut didominasi oleh etnik Cina yang memperjuangkan polisi berdasarkan keperluan (need based), meritokrasi dan demokrasi. PKR juga merupakan parti bersifat multi etnik tetapi didominasi oleh kelas menengah Melayu bandar, ditubuhkan pada tahun 1999, beberapa bulan selepas Anwar Ibrahim dipecat daripada UMNO dan disingkirkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri oleh Dr. Mahathir Mohamed.⁴

Keputusan PRU 2008 memperlihatkan pencapaian paling teruk yang pernah dialami oleh Perikatan/BN sepanjang penubuhannya. Walaupun masih kekal berkuasa pada peringkat Persekutuan, BN telah kehilangan majoriti dua pertiga kerusi yang sentiasa diperolehinya sebelum ini.⁵ Setelah muncul sebagai pemenang dengan mendapat 63.84 peratus undi popular semasa PRU 2004, undi popular BN merosot kepada 51.39 peratus dalam PRU 2008 (lihat jadual 1.1). Bilangan kerusi parlimen yang dimenangi oleh BN merosot daripada 199 (2004) kepada 140 kerusi (2008). Pakatan Rakyat (kemudian ini disebut Pakatan) memenangi 82 kerusi parlimen semasa PRU 12;

⁴ Ketiga-tiga parti ini pernah bergabung dalam Barisan Alternatif (BA) menjelang PRU 1999. Tetapi pada tahun 2002, DAP keluar meninggalkan BA pada tahun 2002. Lihat Ong K.M., (2010).

⁵ Kali pertama Perikatan kehilangan majoriti dua pertiga ialah pada PRU tahun 1969. Perikatan menang sebanyak 66 (64.7 peratus) daripada 103 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Dalam PRU 2008, BN menang sebanyak 140 (63.06 peratus) daripada 222 kerusi parlimen. Lihat Ratnam dan Milne (1970).

bilangan paling banyak dimenangi oleh PKR, iaitu sebanyak 31 kerusi; DAP menang sebanyak 28 kerusi; dan PAS memperoleh sebanyak 23 kerusi.

Jadual 1.1: Perubahan dalam politik Malaysia, 2004-2008

Parti	Peratusan Undi Popular			Bilangan Kerusi Dimenangi		
	2004	2008	Perubahan	2004	2008	Perubahan
Barisan Nasional (BN)	63.84	51.39	-12.45	199	140	-59
UMNO	35.63	29.98	-5.65	110	79	-31
UMNO Sabah	22.63	15.37	-7.26	51	20	-31
MCA/MIC/Gerakan /PPP dan lain-lain.	5.58	6.03	0.45	38	41	3
Pakatan Rakyat	34.06*	47.43†	13.37	19	82	63
PKR	8.43	19.00	10.57	1	31	30
DAP	9.94	14.07	4.13	12	28	16
PAS	15.69	14.36	-1.33	6	23	17
Lain-lain parti & Bebas	2.10	1.18	-0.92	1	0	-1
Jumlah	100.00	100.00	0.00	219	222	3

Nota:

* Pakatan tidak wujud semasa PRU 11 (2004).

† Undi dan peratus kerusi bagi Pakatan semasa PRU 12 (2008) termasuk golongan sosialis yang bertanding atas tiket Pakatan.

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Walaupun keputusan PRU 2008 menyaksikan BN kembali berkuasa dengan memenangi sebanyak 140 daripada 222 kerusi parlimen, tetapi BN telah kehilangan kuasa memerintah di empat buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Selain itu, BN juga gagal menawan kembali Kelantan yang berada di bawah pemerintahan PAS semenjak tahun 1990. Kedah merupakan negeri yang juga didominasi etnik Melayu di mana pembangkang hampir berkuasa semenjak PRU 1999 lagi; Pulau Pinang, merupakan negeri perindustrian dan didominasi oleh etnik Cina dan sentiasa memberi undi kepada pembangkang khasnya bagi kerusi parlimen; Perak, merupakan negeri semi-industri dan terkenal dengan negeri bersifat multi etnik terbesar di Pantai Barat Semenanjung; dan

Selangor, merupakan negeri bersifat multi etnik, berasaskan perindustrian, mengalami pertumbuhan perbandaran yang tinggi semenjak tiga dekad yang lalu dan mengelilingi bandaraya Kuala Lumpur. Sebagai tambahan, BN juga tewas 10 daripada 11 kerusi parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang tidak mempunyai kerusi DUN.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian: Perubahan Corak Pengundian di Kawasan Campuran

Sepanjang sejarah PRU di Malaysia, peralihan undi berlaku pada peringkat regional sehingga membolehkan kerajaan negeri bertukar pemerintahan daripada parti BN kepada parti-parti pembangkang. Peralihan undi juga dikesan berlaku di kawasan bandar dan semi bandar yang mana komposisi pengundi memainkan peranan penting (Ratnam and Milne, 1970). Berdasarkan komposisi etnik, kerusi parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat kategori (berdasarkan peratusan pengundi Melayu) seperti berikut:

- a) *kawasan minoriti Melayu*, apabila terdapat bawah 30 peratus pengundi Melayu;
- b) *kawasan campuran*, apabila terdapat 30 hingga 59 peratus pengundi Melayu;
- c) *kawasan majoriti Melayu*, apabila terdapat 60 hingga 79 peratus pengundi Melayu; dan
- d) *Kawasan majoriti mutlak Melayu*, apabila pengundi Melayu mencecah angka 80 peratus dan ke atas daripada keseluruhan jumlah pengundi (Balasubramaniam, 2005: 50-55).

Kawasan campuran merupakan 30 peratus daripada jumlah kerusi parlimen yang dipertandingkan semasa PRU 1999 (lihat jadual 1.2 di bawah). Semasa PRU 1999, BN menang sebanyak 56 kerusi parlimen di *kawasan campuran* (96 peratus) dan semasa PRU 2004, kemenangan BN meningkat kepada 67 kerusi (98.5 peratus). *Kawasan majoriti mutlak Melayu* dan *kawasan majoriti Melayu* tidak menunjukkan peratusan pencapaian yang tinggi kepada BN seperti mana di *kawasan campuran*.⁶

Jadual 1.2: Kategori kerusi parlimen mengikut peratusan pengundi Melayu, peratusan BN dan Pembangkang menang semasa PRU 1999 dan 2004.

% Pengundi Melayu	1999			2004		
	BN	Pembangkang	Total/%	BN	Pembangkang	Total/%
Minoriti <30%	11	8	19 (9.89)	10	12	22 (10.89)
Campuran 30-59%	56	2	58 (30.2)	67	1	68 (33.66)
Majoriti 60-79%	38	7	45 (23.43)	49	1	50 (24.75)
M Mutlak 80+%	42	28	70 (36.46)	55	7	62 (30.69)
TOTAL	147	45	192	181	21	202

Sumber: Dipetik daripada Balasubramaniam (2005: 51).

Mengikut Balasubramaniam (2006), *kawasan campuran* merupakan kubu kuat kepada BN yang membolehkan BN sentiasa mendapat majoriti dua pertiga kerusi di parlimen semenjak PRU 1974.

The Front has won the overwhelming majority of seats in the mixed constituencies since 1974. This is why the focus on the mixed constituencies is imperative, chiefly because the National Front's performance in this electorate category outstrips its performance in the ethnic-majority categories

⁶ Semasa PRU 2004, BN menang sebanyak 42 kerusi (60 peratus) di kawasan majoriti mutlak Melayu dan 38 kerusi (84 peratus) di kawasan majoriti Melayu. Semasa PRU 2004, BN menang sebanyak 55 kerusi (88 peratus) di kawasan majoriti mutlak Melayu dan 49 kerusi (98 peratus) di kawasan kawasan majoriti Melayu.

where it accounts for one-third of the contested seats and faces stiffer challenge (Balasubramanian, 2006: 82).

Di *kawasan campuran*, pengundi biasanya melakukan amalan ‘pengundian taktikal’ di mana pengundi bukan-Melayu tidak suka kepada PAS (kerana memperjuangkan konsep undang-undang jenayah Islam atau agenda negara Islam) dan lebih rela memilih UMNO. Pengundi Melayu dan bumiputera lebih sedia mengundi MCA/MIC/Gerakan berbanding dengan DAP (yang memperjuangkan konsep ‘*Malaysian Malaysia*’ dan kepentingan bukan-bumiputera). ‘*Pengundi taktikal biasanya akan mengalahkan parti yang mereka tidak suka dan ini menyumbang kepada kemenangan besar BN di kawasan campuran*’ (Balasubramaniam, 2006: 82).

Senario ini membolehkan BN menang sebanyak 56 kerusi atau 96.55 peratus kerusi di *kawasan campuran* mengalahkan parti-parti pembangkang yang bergabung di bawah Barisan Alternatif (BA) semasa PRU 1999 dan seterusnya mencapai kemenangan dua pertiga kerusi di peringkat Persekutuan (Balasubramaniam, 2006: 84). Menurut Balasubramaniam (2006) lagi, faktor etnik masih lagi kuat dalam kalangan pengundi Melayu dan ini membolehkan BN terus berkuasa walaupun parti-parti pembangkang bersatu dan PRU diadakan semasa negara mengalami ‘dual’ krisis, iaitu ekonomi dan politik seperti di tahun 1999.⁷

Kawasan campuran juga menjadi fokus utama kepada Gordon K. Brown (2005: 435) yang mendapati semenjak PRU 1986, kerusi di *kawasan campuran* secara berterusan menyumbang kepada kemenangan BN. Hanya di *kawasan campuran* BN

⁷ Sebelum PRU 1999, parti pembangkang tidak bersatu (khususnya antara PAS dan DAP) dan ini memberi kelebihan kepada BN kerana dalam sesebuah kawasan DUN atau parlimen kawasan campuran, BN ditentang oleh dua parti pembangkang (atau perlawanan tiga penjur). Dalam situasi pertandingan tiga penjur, BN memperolehi kemenangan walaupun undi yang diterimanya lebih kecil daripada keseluruhan undi yang diterima oleh parti-parti pembangkang (Crouch, 1986).

menunjukkan pencapaian yang agak baik, berbanding kawasan lain kerana di kawasan *majoriti Melayu*, BN biasanya tewas kepada PAS dan di kawasan minoriti Melayu pula rakan-rakan BN seperti MCA/MIC/Gerakan tewas kepada DAP.⁸ Oleh kerana kelebihan yang ada pada BN di *kawasan campuran*, bilangan kerusi parlimen di kawasan campuran ditambah sebanyak 26 kerusi semasa proses persempadanan semula yang dilakukan antara bulan Julai 2001 hingga April 2003 (Brown, 2005: 435-436).⁹

Jadual 1.3: Kategori kerusi parlimen mengikut peratusan pengundi Melayu, peratusan BN dan Pembangkang menang semasa PRU 2004 dan 2008.

% Pengundi Melayu	2004			2008		
	BN	Pembangkang	Total/%	BN	Pembangkang	Total/%
Minoriti <30%	10	12	22 (9.89)	3	18	21 (10.89)
Campuran 30-59%	67	1	68 (30.22)	38	31	69 (33.66)
Majoriti 60-79%	49	1	50 (23.43)	37	16	53 (24.75)
M Mutlak 80+%	55	7	62 (36.46)	62	17	79 (30.69)
TOTAL	147	45	202	140	82	222

Nota: Sila lihat lampiran 1 untuk keterangan lanjut mengenai kategori kawasan parlimen dan keputusan PRU 2008.

Sumber: Data bagi keputusan PRU 2004 dipetik daripada Balasubramaniam (2005: 51), data SPR dan kiraan pengkaji.

Keputusan PRU 2008 mendedahkan realiti perubahan yang telah berlaku di kawasan campuran yang gagal di kesan oleh Balasubramaniam (2005, 2006) dan Brown (2005). Jadual 1.3 di atas menunjukkan keputusan PRU 2004 dan 2008 mengikut kategori kerusi parlimen di Malaysia. Semasa PRU 2004, BN memenangi sebanyak 67 daripada 68 kerusi yang berada dalam kategori *kawasan campuran*. Semasa PRU 2008, BN hanya menang sebanyak 38 kerusi daripada 69 kerusi di *kawasan campuran*. Sementara itu, bagi pihak Pakatan pula, sebanyak 31 daripada 80 kerusi parlimen yang mereka menangi semasa PRU 2008 berada dalam kategori

⁸ Contohnya di negeri Kedah, sebuah negeri yang dikenali majoriti Melayu, PAS berjaya menambah bilangan kerusi parlimen kepada lapan kerusi (PRU 1999) daripada kosong (PRU 1995). Pada peringkat DUN, PAS berjaya menambah 10 kerusi berbanding dengan dua kerusi semasa PRU 1995 (Ong dan Welsh, 2005: 316).

⁹ Kenyataan sama dibuat oleh Balasubramaniam (2005: 61).

kawasan campuran. Keputusan PRU 2008 menunjukkan perubahan besar berlaku dalam kalangan pengundi khususnya di kerusi-kerusi yang dimenangi oleh Pakatan (Chin dan Wong C.H., 2009: 72).

Lian dan Appudurai (2011: 79), menyatakan bahawa sebanyak 14 peratus pengundi Melayu di *kawasan campuran* beralih (swing) kepada Pakatan semasa PRU 2008. Dalam analisisnya, Lian dan Appudurai (2011) memberikan sebab kenapa BN mengalami kekalahan di *kawasan campuran* semasa PRU 2008. Antara faktor yang diberikan ialah seperti perpecahan UMNO, era reformasi, peranan masyarakat sivil dan kerjasama antara parti pembangkang menerusi Pakatan Rakyat. Kempen parti-parti pembangkang yang mempromosikan ‘multiculturalism’ amat berkesan di *kawasan campuran*, khususnya di kawasan yang terdapat ramai pengundi Melayu.¹⁰

Peralihan undi, khususnya di kalangan pengundi Melayu di *kawasan campuran* memerlukan penelitian lanjut kerana faktor-faktor yang dikemukakan oleh Lian dan Appudurai (2011) adalah berdasarkan dimensi institusi – iaitu mobilisasi oleh parti - dan bukannya pada peringkat individu atau pengundi itu sendiri. Mengambil kira penemuan kajian Balasubramaniam (2005, 2006) dan Brown (2005) serta perubahan yang berlaku semasa PRU 2008 seperti dibincangkan oleh Lian dan Appudurai (2011), timbul persoalan apakah yang menjadi penentu kepada perilaku pengundi Melayu di *kawasan campuran*, khususnya semasa PRU 2008?

Dari sudut lain, pengkaji yang menggunakan pendekatan kelas sebagai kerangka analisis, telah berhujah mengenai perubahan dalam perilaku pengundi di Malaysia dikesan lama sebelum PRU 2008. Dalam kajian yang dilakukan di kerusi Parlimen

¹⁰ Lian K. F. dan Appudurai, J. (2011: 79)

Bayan Baru (salah satu *kawasan campuran*) menjelang PRU 1999, Saravanamuttu (2003) mendapati berlaku perubahan signifikan dalam corak pengundi di mana parti yang bersifat etnik seperti BN sedang mengalami kemerosotan.

Seorang lagi pengkaji, iaitu Francis Loh K. W. (2003) yang menjalankan kajian di kerusi Parlimen Bukit Bendera, mendapati pengundi Melayu di (kawasan minoriti Melayu) semasa PRU 1999 tidak tertarik dengan “politik baru” (menekankan keutamaan terhadap pembangunan dan mengeneipkan isu urus tadbir dan demokrasi) seperti yang dianjurkan oleh BN tetapi lebih cenderung kepada menyokong “politik reformasi” (mengutamakan agenda perubahan dalam aspek urus tadbir dan demokrasi) sepertimana yang dianjurkan oleh Anwar Ibrahim.

Pada awal dekad 1990an, Mansor Mohd Noor (1992) yang menggunakan pendekatan teori pilihan rasional dalam kajiannya menghujahkan bahawa pertumbuhan ekonomi dan modenisasi menyumbang kepada penipisan batas etnik, di mana perkiraan etnik tidak menjadi penentu kepada individu semasa membuat keputusan. Lama sebelum itu, pada pertengahan tahun 1970an, Nagata (1974) yang mempelopori konsep ‘situational selection of identity’¹¹ menyatakan bahawa komuniti Arab, Jawa dan India Muslim di Pulau Pinang menukar identiti dan mengaku sebagai Melayu untuk mendapat faedah ekonomi menerusi pelaksanaan DEB.

Perbincangan setakat ini menunjukkan terdapat jurang dalam memahami perilaku politik dalam masyarakat pelbagai etnik seperti di Malaysia. Pendekatan kajian yang melihat etnik dalam kerangka ‘kotak’ (Balasubramaniam, 2005, 2006:

¹¹ Kumpulan sub-etnik dalam masyarakat Melayu seperti Arab, Jawa dan India Muslim biasanya menukar identiti mengikut keadaan seperti: a) mengaitkan diri mereka dengan identiti asal dan tidak mengaku sebagai Melayu, kerana Melayu (secara stereotaip) dikaitkan dengan sifat malas; b) mengaku sebagai sebahagian daripada Melayu dan kerajaan apabila terdapat faedah (material gain) dalam hubungan dengan pemerintah, khususnya selepas DEB diperkenalkan (Nagata 1974: 331-50).

Brown, 2005) menganggap etnik amat berpengaruh dalam membuat keputusan dan sukar mengalami perubahan. Sebaliknya pengkaji yang melihat etnik dalam konteks batas' seperti Mansor (1992) dan Nagata (1974) pula melihat batas etnik boleh berubah ke arah menipis berikutan proses modenisasi.¹²

Corak pengundian semasa PRU 12 menunjukkan pengundi daripada pelbagai etnik, khususnya di *kawasan campuran*, telah melupakan ketakutan yang terpacat dalam minda mereka (seperti andaian bahawa akan berlaku rusuhan kaum seperti 13 Mei 1969, sekiranya PRU dimenangi oleh parti pembangkang) dan bersedia mengambil risiko dengan memilih 'demokrasi' berbanding 'kestabilan'.¹³ Persoalan yang timbul ialah, apakah kondisi yang memungkinkan perubahan tersebut berlaku, khususnya dalam kalangan pengundi Melayu di *kawasan campuran*? Apakah kerangka analitikal yang boleh merapatkan jurang antara dua paradigma (etnik dan kelas) yang biasa digunakan dalam menganalisis masyarakat di Malaysia seperti dibincangkan di atas?

1.4 Objektif dan Skop Kajian

Diantara objektif utama kajian ini ialah seperti berikut:

- 1) Kajian-kajian mengenai perilaku pengundi sebelum ini melibatkan pengundi daripada pelbagai latar belakang etnik dan meliputi seluruh negara. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada kategori pengundi Melayu yang berada di kawasan parlimen campuran. Mengikut beberapa kajian sebelum ini, *kawasan campuran* dianggap sebagai

¹² Bagi perbincangan lebih lanjut mengenai dua paradigma kajian etnik yang dikategorikan sebagai 'kotak' atau 'batas', sila lihat Mansor Mohd Nor (2012).

¹³ Lihat Ooi K.B., J. Saravanamuttu dan Lee H.G. (2008).

kunci kepada kejayaan BN mengekalkan mandat dua pertiga pemilikan kerusi di parlimen Malaysia semenjak PRU 1974 (Balasubramaniam 2005 dan 2006). Namun begitu, berdasarkan keputusan PRU 2008, *kawasan campuran* tidak lagi boleh dianggap sebagai kubu kuat kepada BN. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini ialah untuk memeriksa corak pengundian pengundi Melayu di *kawasan campuran* berdasarkan keputusan PRU 2008.

2) Pemeriksaan terhadap kajian terdahulu menunjukkan bahawa etnisiti berperanan sebagai penentu utama dalam proses pembuatan keputusan di *kawasan campuran* (Ratnam dan Milner, 1970; Brown, 2005; Balasubramaniam 2006). Tidak dinafikan bahawa etnisiti masih berperanan di kawasan campuran, tetapi keputusan PRU 2008 sedikit sebanyak memberikan gambaran bahawa pengaruhnya semakin berkurangan. Kajian ini cuba memeriksa apakah penentu kepada proses pembuatan keputusan oleh pengundi Melayu di *kawasan campuran* yang mendasari peralihan undi (swing) semasa PRU 2008.

3) Pengundi Melayu dijadikan fokus utama kerana mereka adalah komuniti yang banyak menerima manfaat daripada pelaksanaan dasar pembangunan, khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971. Peranan DEB dalam membantu migrasi luar bandar ke bandar-bandar utama di Semenanjung yang melibatkan penduduk Melayu dan bagaimana proses tersebut memberi kesan terhadap dinamik politik di Malaysia telah dibincangkan oleh ramai pengkaji (Mohamed Abu Bakar, 1980; Crouch, 1986; Rahman Embong, 1999). Kajian yang dilakukan di negara barat menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi adalah sejajar dengan pembangunan dalam literasi politik (Dalton, 1984, 2007, 2012). Pengundi yang dimobilisasikan oleh literasi politik membuat keputusan berbeza dengan pengundi yang dimobilisasikan oleh

parti.¹⁴ Proses dan wacana politik juga biasanya mengalami perubahan apabila tahap literasi politik di kalangan penduduknya mengalami perubahan (Iglehart, 1997). Kajian-kajian di Malaysia sebelum ini menunjukkan pembangunan ekonomi menukar proses (khususnya dalam aspek penyertaan) politik dan wacana (isu atau fokus perdebatan) politik khususnya dalam kalangan kelas menengah Melayu (Hussain Mutalib, 1990; Rahman Embong, 1999). Penglibatan dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), peningkatan populariti parti yang memperjuangkan konsep Islam dan isu-isu melibatkan Islam, kedudukan istimewa Melayu dan sosio-ekonomi Melayu merupakan antara proses dan wacana politik yang lahir seiring dengan pembangunan yang mengambil tempat dalam masyarakat di Malaysia (Hefner, 2001). Kajian ini akan meninjau secara umum aspek perubahan dalam proses dan wacana politik berikutan peningkatan dalam literasi politik di Malaysia khususnya semasa era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri.


1.5 Model Analitikal Kajian

Bagi mendapatkan gambaran secara keseluruhan dan lebih jelas mengenai kajian ini dan untuk melihat hubungan antara literasi politik dan kategori pengundi, seterusnya hubungannya dengan asas pembuatan keputusan mengundi, sila lihat model analitikal kajian seperti dalam rajah 1.1 di bawah. Berdasarkan model kajian, konsep literasi politik dipecahkan kepada dua dimensi, iaitu:

- a) Institusi - merangkumi kefahaman terhadap parti politik, peranan badan-badan kerajaan, undang-undang, NGO dan media, dan;

¹⁴ Lihat bab II.

- b) Idea - meliputi kefahaman terhadap idea demokrasi, urus tadbir, polisi kerajaan, akauntabiliti dan kaedah untuk mencapai perubahan.



Rajah 1.1: Model Analitikal Kajian

Pertemuan antara dua dimensi literasi politik tersebut menghasilkan empat kategori pengundi yang dibezakan mengikut tinggi/rendah tahap literasi politik (dan bebas parti) dan lemah/kuat identifikasi parti. Pengundi yang dimobilisasi oleh idea terbahagi kepada dua kategori iaitu: (a) Pengundi Atas Pagar Berketerampilan (PAB), dan; (b) kumpulan Tidak Minat Politik (TMP). Sementara itu, pengundi yang dimobilisasikan oleh institusi pula ialah: (a) Pendokong Parti Berketerampilan (PPB), dan; (b) Pengikut Setia Parti (PSP). Kesan daripada pertemuan antara dimensi mobilisasi institusi dan idea seterusnya ialah tiap-tiap kategori pengundi mempunyai asas yang berbeza semasa membuat keputusan mengundi yang dan dibahagikan kepada

empat, iaitu; (a) calon, (b) parti, (c) matlamat politik atau polisi parti dan (d) isu-isu spesifik.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kategori ‘cross-section’ sebagai reka bentuk kajian di mana data-data primer (data yang diperolehi secara langsung daripada responden) dikutip menerusi soalan kaji selidik dan temuramah bersama pakar dan aktivis parti di kawasan kajian. Sementara itu, bagi data sekunder, kajian perpustakaan dilakukan terhadap tulisan ilmiah, penerbitan kerajaan, keratan akhbar dan tulisan yang dimuatkan dalam blog atau portal-portal internet.

Data sekunder yang dikumpul boleh dibahagikan kepada dua komponen seperti berikut: (a) keputusan-keputusan PRU peringkat nasional, negeri dan kawasan kajian yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Keputusan PRU adalah refleksi kepada perilaku sebenar pengundi (apa yang pengundi lakukan) dan ianya dianalisis untuk melihat corak pengundian semasa PRU 2008 dan PRU sebelumnya. Data keputusan PRU mewakili keseluruhan populasi yang dikaji dan kemungkinan kesilapan sampel (sampling error) seperti data primer dapat dielakkan. Data-data tersebut dianalisis berdasarkan bilangan sebenar undi yang diterima oleh setiap parti mengikut peratusan undi popular dan peratusan kerusi menang atau kalah; (b) penemuan utama kajian-kajian terdahulu yang terdapat dalam bentuk buku, jurnal dan tesis doktor falsafah. Data ini dikumpul menerusi kajian perpustakaan dan digunakan untuk melengkapkan analisis terhadap konsep-konsep utama kajian, kerangka teori dan

perbincangan mengenai latar belakang serta perkembangan tahap literasi politik di kawasan kajian.

Data primer penting untuk merakam dan menganalisis apa yang dikatakan oleh pengundi tentang apa yang mereka lakukan. Alat utama yang digunakan bagi mendapatkan data primer ialah soalan soal selidik yang tertutup (lihat 1.6.2 untuk keterangan bagaimana data primer dianalisis). Secara umumnya soalan soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama mengandungi beberapa soalan mengenai latar belakang responden seperti umur, jantina, tahap pendidikan dan pendapatan. Bahagian ini juga mengandungi soalan yang meminta responden mengenal identiti mereka berdasarkan kategori pengundi mengikut mobilisasi literasi politik yang diterima. Kategori tersebut dibina (construct) berdasarkan dua dimensi utama dalam literasi politik iaitu dimensi institusi dan idea.

Bahagian kedua mengandungi soalan berkenaan aspek kualiti hidup seperti persepsi terhadap pendapatan dan pendapatan benar, dasar kerajaan membendung inflasi, dasar pengagihan kekayaan dan kadar pengangguran sebelum PRU 2008. Selain itu, bahagian ini juga mengandungi soalan mengenai perumahan, pendidikan, keselamatan, persekitaran dan pengangkutan awam.

Bahagian ketiga mengandungi persepsi responden terhadap isu-isu tadbir urus seperti dasar melibatkan aspek demokrasi, perkhidmatan awam, dasar sosial dan dasar yang bertujuan menjaga kepentingan Melayu. Bahagian ketiga melibatkan soalan mengenai masa membuat keputusan untuk mengundi, asas kepada pembuatan keputusan semasa mengundi, isu-isu utama semasa PRU 12 dan parti mana yang difikirkan dapat menjawab isu-isu politik dengan baik.

Bahagian empat mengandungi soalan dipecahkan kepada penilaian terhadap keberkesanan pimpinan parti (khususnya penyandang) pada peringkat DUN, ahli parlimen dan kerajaan negeri. Dan pada bahagian lima, soalan yang ditanya berkisar kepada jangka corak pengundian pada masa akan datang. Semua soalan dalam kajian dibina berdasarkan angkubah-angkubah yang terdapat dalam konsep dan teori perilaku pengundi, khususnya model literasi politik serta elemen yang terdapat dalam konteks politik Malaysia.

1.6.1 Persampelan

Memandangkan kawasan parlimen campuran adalah terlalu besar, iaitu sebanyak 69 kerusi semasa PRU 2008 (sila lihat lampiran 1), hanya dua kawasan parlimen yang mempunyai ciri-ciri kawasan campuran telah dipilih. Pertama ialah Selayang (BN menang peringkat DUN, tetapi kalah peringkat parlimen), dan kedua ialah Ampang (pembangkang menang semua, parlimen dan DUN).¹⁵

Kombinasi bilangan keseluruhan pengundi bagi kedua-dua kawasan parlimen berjumlah 148,689 orang. Bilangan pengundi Melayu pula ialah sebanyak 75,266 orang (Harian Metro, 10/3/2008). Berikutan daripada jumlah populasi yang besar, kaedah pemilihan sampel yang dianjurkan oleh Krecjie dan Morgan (1970) telah digunakan

¹⁵ Negeri Selangor mempunyai bilangan kerusi parlimen yang termasuk dalam kategori kawasan campuran yang terbanyak di Malaysia, iaitu 18 daripada keseluruhan 22 kerusi parlimen (63.33 peratus). Daripada 18 kerusi kawasan campuran di Selangor, Pakatan berjaya menang sebanyak 14 kerusi (78 peratus). Johor menduduki tempat kedua yang paling banyak mempunyai kerusi parlimen yang berada dalam kategori kawasan campuran (17 daripada 27 kerusi). Namun begitu, pencapaian pembangkang di Johor tidak menggambarkan suasana peralihan yang berlaku di kawasan campuran semasa PRU 2008 apabila Pakatan hanya menang satu sahaja kerusi di negeri Johor, iaitu di Parlimen Bakri (DAP). Seterusnya, pemilihan dua kawasan kajian di Selangor difikirkan sejajar dengan perubahan sosial yang sedang melanda negara di mana kelas menengah semakin membesar dan pengundi sudah menjadi semakin rencam sifatnya.

bagi populasi di dalam kategori 75,000 orang, sampel yang dicadangkan ialah sebanyak 382 orang. Dalam kajian ini, sebanyak 380 telah ditemui secara rawak di Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang terdapat ramai pengundi Melayu di kedua-dua kawasan parlimen tersebut semasa kajian lapangan dilakukan pada pertengahan tahun 2010.¹⁶ Walau bagaimanapun, hanya 320 orang responden sahaja yang bersetuju untuk ditemu ramah dalam kajian ini. Sebanyak 50 orang lagi menolak untuk ditemu ramah dengan memberi pelbagai alasan terutama apabila mereka melihat banyak soalan-soalan yang difikirkan seperti mahu menyiasat siapa yang mereka undi semasa PRU 12 yang lalu.

Pemilihan sampel sebanyak 320 responden yang terdiri daripada kumpulan etnik Melayu difikirkan wajar bagi kajian yang melibatkan dua kawasan parlimen sahaja dan bukan melibatkan keseluruhan negara. Selain formula yang diberikan oleh Krecjie dan Morgan (1970), kajian ini juga membandingkan bilangan sampel yang dilakukan pada peringkat nasional, khususnya di Malaysia oleh salah seorang sarjana yang secara konsisten membuat kajian terhadap perilaku pengundi, iaitu Syed Arabi Idid yang melibatkan beberapa kajian seperti berikut:¹⁷

- a) Kajian 2004 (Mac) =1511 Responden
- b) Kajian 2005 (Sept) =1730 Responden
- c) Kajian 2006 (Sept) =1327 Responden
- d) Kajian 2007 (Sept) =2707 Responden
- e) Kajian 2008 (2-16 Feb) =1415 Responden

¹⁶ Dalam kajian perilaku pengundi, tahun mengundi dan masa kajian dilakukan tiada jangka masa tertentu selagi responden yang terlibat pernah mengambil bahagian mengundi dalam pilihan raya yang dikaji. Russel J. Dalton (2007: 280) pada tahun 2004-2005 untuk bagi pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang diadakan pada tahun 2000.

¹⁷ Syed Arabi Idid (2012). Kajian Perilaku Pengundi 2002-2012. Kertas pembentangan semasa sesi perbincangan bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, anjuran Majlis Profesor Negara pada 20 Oktober 2013.

- f) Kajian 2008 (14 Mac-4 Apr) =1654 Responden
- g) Kajian 2008 (11 Okt-21 Okt) =1366 Responden
- h) Kajian 2009 (1-15 Ogos) =1458 Responden
- i) Kajian 2010 (1-18 Ogos) =1367 Responden
- j) Kajian 2011 (15-30 Julai) =1647 Responden
- k) Kajian 2012 (17 Feb-15 Mac) =1370 Responden

Purata bilangan pemilihan bagi kajian peringkat nasional seperti yang dilakukan oleh Syed Arabi Idid semenjak tahun 2004 hingga 2012 ialah sekitar 1,334 responden. Sekiranya angka tersebut (1,334 orang) dibahagikan dengan 222 jumlah kerusi parlimen, secara purata terdapat enam orang pengundi sahaja bagi setiap kawasan parlimen.

Dalam kajian peringkat nasional yang dilakukan di Republik Ghana pada tahun 2008, Lindberg (2012) hanya menggunakan saiz sampel sebanyak 1,600 orang responden. Dalam PRU 2008 di Ghana, keseluruhan pengundi berdaftar ialah sebanyak 12,472,758 juta orang (Jockers, Kohnert dan Nugent, 2009: 4). Sementara itu dalam kajian peringkat nasional di Kanada, Clarke (et al., 1982: 517) menggunakan sampel sebanyak 1,295 responden semasa PRU tahun 1974 dan 2,744 orang responden semasa PRU 1979.¹⁸

¹⁸ Pengundi berdaftar di Kanada semasa PRU 1974 ialah sebanyak 13,620,353 dan PRU 1979 ialah 15,233,653. Data diperolehi daripada carian internet <http://www.elections.ca/content.aspx?section=ele&dir=turn&document=index&lang=e>

1.6.2 Analisis data

Borang kaji selidik yang lengkap diisi telah diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data-data dianalisa untuk mendapatkan kekerapan, purata, peratus dan sebagainya. Data yang dikumpulkan daripada soalan kaji selidik berstruktur dianalisa seperti berikut: pertama, analisa deskriptif – digunakan untuk melihat profil responden, identiti pengundi berada dalam kategori mana – berdasarkan kekerapan dan peratusan. Kedua, ujian ‘crosstabulations’ – digunakan untuk mengetahui hubungan antara angkubah diri responden seperti umur dan kelas sosial dengan kategori pengundi, asas dalam membuat pilihan mengundi dan lain-lain. Ketiga, ujian analisa varian (ANOVA) digunakan untuk melihat perbezaan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji seperti penilaian ekonomi, kualiti hidup, tadbir urus dan kepimpinan. Dalam kaedah ini, tahap paras pengujian yang ditetapkan ialah pada aras keertian 0.05 (selang keyakinan 95 peratus). Jika nilai yang dicatatkan berada di bawah 0.05, ini menunjukkan terdapat perbezaan mengikut kategori pengundi dan dimensi penilaian.

Skala pengukuran yang digunakan untuk mentadbir soalan kaji selidik dan bagi tujuan pengukuran terhadap isu-isu yang dikaji, sebahagian besar soalan menggunakan skala Likert yang diberi mata daripada “1” hingga “5” berdasarkan tahap persetujuan responden terhadap isu-isu yang diselidik. Pemberian mata ialah seperti berikut:

1 = Amat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Sederhana setuju,
4 = Setuju, 5 = Amat Setuju.

Berdasarkan skor mata yang digunakan, maka kepencongan ke kiri atau ke kanan sesuatu isu yang dikaji dapat dinilai. Sekiranya mata min (purata) yang dicatatkan

berada di bawah 3 (sederhana setuju), ini menunjukkan kepencongan adalah ke kiri atau kurang bersetuju dengan isu yang dikaji. Sebaliknya, jika nilai min dicatatkan di atas aras 3 (sederhana setuju), kepencongannya adalah ke kanan atau ke arah yang lebih bersetuju dengan isu yang dikaji.

1.7 Kepentingan dan Relevansi Kajian

Banyak kajian mengenai perilaku pengundian dan politik pilihan raya di Malaysia menjurus kepada kesimpulan bahawa aspek utama dalam landskap politik Malaysia masih tidak berubah; secara berterusan etnisiti menjadi motivasi dan penentu utama dalam strategi dan keputusan pilihan raya (Welsh, 2004). Politik ‘communalism’ dan formula perkongsian kuasa seperti yang diutarakan oleh Ratnam (1965) seakan-akan tidak tergugat. Tidak menolak secara langsung paradigma tersebut, terdapat juga kajian yang memperlihatkan tarikan terhadap nilai-nilai universal seperti hak asasi dan demokrasi berikutan kemunculan “gerakan reformasi” pada tahun 1999 (Loh K. W., 2003). Namun begitu, keputusan PRU 2004 yang memperlihatkan BN kembali berjaya memperolehi sokongan yang tinggi menjadikan kajian yang menyatakan masyarakat negara ini juga tidak terpisah daripada proses globalisasi dan mendokong nilai-nilai universal seperti demokrasi dan sebagainya, kelihatan semacam tidak relevan.

Walau bagaimanapun, keputusan bersejarah PRU 2008 yang menyaksikan BN kehilangan majoriti dua pertiga kerusi di parlimen buat kali kedua selepas PRU 1969,¹⁹ dan ini memerlukan penelitian lanjut dan analisis mendalam untuk menentukan adakah

¹⁹ Semasa PRU 1969, Perikatan kehilangan dua buah negeri kepada pembangkang, iaitu Pulau Pinang dan Kelantan (dimenangi oleh PAS semenjak PRU 1959). Perikatan juga gagal memperolehi majoriti di Perak dan Selangor (Ratnam dan Milne, 1970). Tetapi semasa PRU 2008, BN kehilangan lima negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan (berada di bawah PAS semenjak PRU 1990). Perkembangan inilah yang menjadikan PRU 2008 lebih signifikan berbanding dengan PRU 1969.

aspek politik Malaysia telah mengalami perubahan yang bersifat jangka panjang atau sebaliknya. Kemenangan besar Pakatan yang menawarkan pendekatan politik berbilang kaum (multiracial) sebagai alternatif kepada politik bersifat etnik, wajar mendapat perhatian dan analisis terperinci kerana ianya merupakan refleksi bahawa landskap politik negara ini sedang berada dalam proses transisi.

Kajian ini diharap dapat memecahkan beberapa landasan yang telah diperkatakan oleh beberapa orang sarjana politik Malaysia sebelum ini, khususnya dalam beberapa perkara seperti berikut:

- a) Memeriksa kembali dinamika hubungan antara etnik dan perilaku pengundian di Malaysia, secara umumnya;
- b) Mendedahkan asas kepada faktor yang menjadi penentu corak perilaku di kalangan pengundi Melayu di kawasan parlimen campuran;
- c) Memeriksa kesan beberapa dasar penting nasional yang menjadi pilihan atau tidak disenangi oleh pengundi Melayu di kawasan campuran, dan;
- d) Membuat penilaian adakah perubahan yang melanda pengundi Melayu bersifat kekal atau sebaliknya.

1.8 Penjelasan Konsep Utama

Dalam kajian ini dengan memeriksa beberapa konsep utama dan kerangka teori (akan dibincangkan dalam bab II). Antaranya ialah seperti konsep etnik dan etnisiti, perilaku pengundi dan konsep literasi politik.

1.8.1 Konsep Etnik

Etnik dan etnisiti merupakan binaan sosial (social construct) dan dengan itu ianya tidak statik atau boleh berubah mengikut keadaan (Shamsul, A.B., 2004). Dari segi istilah, perkataan etnik berasal daripada Greek 'ethnikos' yang bermaksud kumpulan tidak beragama atau pagan (Eriksen, 1993: 3-4). Namun begitu, dalam penggunaan semasa istilah 'etnik' dan etnisiti' merujuk kepada 'klasifikasi sekumpulan manusia dan hubungan antara kumpulan' (Eriksen, 1993: 4).

Sebagai permulaan, ciri-ciri yang dikongsi bersama merujuk kepada aspek budaya seperti bahasa, agama dan keturunan. Pengkaji yang mengutamakan kajian berdasarkan ciri-ciri kumpulan dan menggunakan konsep kaum menggandaikan setiap individu yang memiliki ciri-ciri tersebut pasti akan terikat sesama sendiri. Tiada ruang untuk mana-mana individu dan kumpulan untuk mengubah ciri dan dimensi asal usul diri dan kumpulan kaum mereka (Mansor, 2012: 28-29).

Faktor kedua yang menghasilkan kumpulan etnik ialah 'interaksi'. Kumpulan etnik tidak wujud dalam isolasi, sebaliknya ia adalah hasil daripada perhubungan. Tiada interaksi maka tiada kumpulan. Bila dua atau lebih kumpulan bertemu dalam suatu 'socio-political setting', fenomena 'etnisiti' berlaku (Eriksen, 1993: 12). Mengikut Eriksen, aspek budaya memainkan peranan penting dalam aspek hubungan sosial antara kumpulan dan budaya menyumbang kepada pembentukan etnisiti.

Adalah suatu yang tidak tepat menyamakan kumpulan etnik dengan kumpulan berasaskan budaya dan ciri-ciri dikongsi bersama sebagai asas kepada identiti etnik.

Sudut penghujahan ini dikemukakan oleh Frederick Bath (1969), yang berpendapat untuk mengkaji konsep dan hubungan etnik, ‘batas’ etnik sepatutnya menjadi fokus dan bukannya ciri-ciri (budaya) kumpulan etnik itu. Secara ringkas, walaupun banyak unsur budaya seperti agama, bahasa, adat dan tradisi dikongsi oleh ramai orang, ia tidak semestinya menjadikan seseorang itu menjadi anggota kumpulan etnik yang sama. Judith Nagata (1974), dalam kajiannya terhadap masyarakat India di Pulau Pinang mendapati kumpulan etnik India di Pulau Pinang gemar mengubah identiti mereka mengikut kepentingan semasa dan kebendaan di mana identiti India, India Muslim atau Melayu sering digunakan silih berganti.

Pengkajian yang menggunakan konsep etnik sebagai batas melihat etnik sebagai ‘*socially constructed*’ (Eriksen, 1993; Brubaker, 2004; Shamsul, A.B., 2004). Mansor (2012) berpendapat,

batas etnik ataupun identiti dan kumpulan etnik sentiasa berubah dan bergerak daripada menebal, menipis dan pupus. Proses modenisasi, urbanisasi, pembangunan ekonomi dan perubahan dalam tahap pendidikan menjadikan batas etnik semakin menipis (Mansor, 2012: 30).

Secara ringkas, istilah etnik yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada etnisiti dalam konteks hubungan sosial (interaksi) iaitu saling memerlukan dan ada ketika bersaing dalam wilayah sesebuah daulah (state) atau kuasa politik di mana ianya boleh menebal dan menipis. Dalam kerangka sebegini, mobilisasi politik berdasarkan etnik berlangsung bagi tujuan mengawal dan mengurus sumber kekuasaan daulah, di mana etnisiti bertindak sebagai alat dalam mengejar matlamat secara kolektif menerusi persaingan dan kerjasama.

Kenapa kumpulan etnik mudah dimobilisasikan untuk cita-cita politik sehingga kadangkala mencetuskan konflik antara kumpulan etnik? Politik bersifat mobilisasi berdasarkan etnik bukan berlaku secara spontan apabila terdapat beberapa kumpulan etnik dalam suatu unit politik. Clifford Geertz (1963: 109-111), dalam kajiannya menyatakan bahawa konflik antara kumpulan etnik berkisar tentang ciri-ciri kumpulan seperti: 'hubungan darah (blood ties)', kaum, corak dominasi, bahasa, agama, adat resam, geografi dan sejarah. Horowitz (1985), yang menggunakan teori modenisasi menyangkal teori budaya yang digunakan oleh Geertz untuk menjelaskan konflik antara kumpulan etnik.

Where the theory of cultural pluralism conceives of ethnic conflict as the clash of incompatible values, modernization and economic-interest theories conceives of conflict as the struggle for resources and opportunities that are valued in the common (Horowitz, D. L. 1985: 140).

Secara umumnya, kumpulan etnik terlibat dengan politik untuk mendapat kelebihan politik. Perkara ini berlaku kerana terdapat elemen 'ketakutan' kehilangan identiti, kepentingan politik, ekonomi dan cara hidup. Untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku, kumpulan etnik hanya mempunyai satu pilihan sahaja; iaitu menyertai politik. Oleh itu, jika terdapat elemen ancaman terhadap kumpulan etnik tertentu dan disokong oleh persekitaran politik, kesedaran etnik dengan mudah dapat dimobilisasikan ke dalam arena politik, sama ada sebagai pergerakan etnik untuk mendapatkan hak di tanah air sendiri ataupun gerakan etnik dalam diaspora seperti diperkatakan oleh Milton J. Esman (1995).

Mobilisasi kumpulan etnik juga boleh berlaku semasa proses pembinaan negara bangsa. Kesetiaan sesetengah kumpulan etnik kepada daulah adakalanya diragui memandangkan mereka hanya mahu diiktiraf sebagai sebahagian daripada komuniti besar dalam konteks ekonomi dan politik, tetapi tetap mahu mengekalkan keunikan identiti budaya mereka sendiri. Ratnam (1965), melihat situasi sedemikian wujud di Malaysia.

Mekanisme untuk memobilisasikan adalah pelbagai, antaranya adalah seperti parti politik berasaskan etnik, birokrasi, ketenteraan, kesatuan sekerja, pertubuhan bukan kerajaan dan seumpamanya. Perbezaan antara kumpulan etnik itu sendiri tidak mencetuskan konflik, tetapi bila diletakkan dalam situasi politik tertentu, etnik akan menjadi potensi untuk dimobilisasikan dengan signifikan. Hal ini berikutan daripada kekurangan sumber yang merupakan limitasi utama dalam politik, etnisiti menjadi kriteria penting dalam regulasi konflik dan pengagihan barangan awam (public good) dalam masyarakat bersifat multi etnik. Apabila kumpulan etnik berubah menjadi kumpulan politik untuk bersaing dengan kumpulan etnik lain, kesedaran etnik menjadi tebal dan fenomena politik berdasarkan etnik berkembang.

Dalam situasi sebegini, konflik antara kumpulan etnik berlaku. Menyedari keburukan dan kemusnahan akibat permusuhan antara etnik, beberapa pilihan politik mesti dilakukan untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan dalam sesebuah negara. J.S. Furnival (1939), antara sarjana yang mengkaji 'cultural pluralism' pada peringkat awal menyatakan bahawa masyarakat majmuk terdedah kepada konflik dan hanya kuasa luaran yang dapat mewujudkan keamanan kerana konsensus tidak mungkin wujud dalam masyarakat sedemikian. Lijphart (1977) menyatakan bahawa terdapat beberapa negara yang bersifat majmuk berjaya mewujudkan kestabilan dan keamanan menerusi

kerangka ‘consociational democracy’ tanpa perlu bergantung kepada kuasa luar, tetapi menerusi konsensus politik yang bersifat menampung (accommodating) pelbagai tuntutan kepentingan etnik. Belgium, Switzerland, Belanda dan Austria merupakan beberapa contoh negara yang mengamalkan ‘consociational democracy’. Malaysia menunjukkan kestabilan dan keamanan dapat diwujudkan dalam kerangka ‘consociational democracy’.

Nordlinger (1972: 21-31) dan beberapa pakar ‘consociational’ telah mengenal pasti beberapa teknik untuk membentuk ‘consociationalism’ yang ideal. Antaranya ialah prinsip ‘proportionality’, kuasa veto bersama, konsesi, ‘depoliticisation’ dan beberapa lagi. Ada negara yang memodifikasi sistem tersebut untuk menampung keperluan mereka. Kepada Malaysia, ‘proportionality’ dan kuasa veto tidak pernah diamalkan (Milne and Mauzy, 1999). Bahkan, kewujudan ‘hak istimewa Melayu’ dalam perlembagaan dan prinsip ‘ketuanan Melayu’ (Malay dominance) merupakan elemen penting kepada kerangka ‘consociationalism’. Oleh itu, Milne dan Mauzy (1999) mencadangkan model ‘consociationalism’ di Malaysia sebagai ‘hegemonic consociationalism’.

Secara ringkas, walaupun mempunyai limitasi tertentu, ‘consociational democracy’ merupakan jalan keluar bagi negara masyarakat majmuk dan saling bergantung. Kerangka demokrasi ‘consociationalism’ dalam situasi di mana daulah tidak dapat menjadi ‘negara berasaskan sesuatu kumpulan etnik’, sebaliknya terus kekal menjadi ‘multinational state’ yang menjamin etnik dan hak-hak sosial di dalamnya. Kerjasama antara elit menerusi konsep perkongsian kuasa merupakan formula yang diamalkan oleh BN untuk sekian lama. Selain itu, ianya diperkuatkan lagi dengan penciptaan kategori kawasan parlimen seperti *kawasan minoriti Melayu*,

kawasan campuran, majoriti Melayu dan majoriti mutlak Melayu (Balasubramaniam, 2006; Brown, 2005). Kewujudan gabungan parti pembangkang yang berunsur ‘*multi ethnic*’ dapat bersaing dengan BN di *kawasan campuran* seperti yang berlaku semasa PRU 2008, berpotensi menjadi alternatif kepada kerjasama etnik ala-BN yang berteraskan ‘*unequal power sharing*’ yang didominasi oleh UMNO (Milne dan Mauzy, 1999).

Kajian yang dilakukan di Malaysia setakat ini menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971-1990), perindustrian dan urbanisasi yang mengambil tempat semenjak dekad 1980an didapati mengubah kesetiaan terhadap parti berasaskan etnik, khususnya bagi kelas menengah yang terdapat di kawasan campuran (Savaranamuttu 2003; Welsh 2004). Penemuan tersebut menyokong pendapat yang menyatakan bahawa,

‘...migrasi, perubahan dalam demografi, industrialisasi, integrasi ke dalam sistem politik yang lebih besar, merupakan antara elemen yang dapat melunturkan identiti etnik’ (Eriksen, 1993: 68).

1.8.2 Konsep Perilaku Pengundi

Pilihan raya merupakan salah satu ciri utama sistem pemerintahan demokrasi. Demokrasi mengutamakan keadilan berdasarkan mekanisme imbang periksa di mana pemimpin boleh dinaik dan diturunkan menerusi peti undi. Teori demokrasi mengandaikan bahawa pengundi akan menilai kerajaan dan menjadikannya bertanggungjawab (accountable) dan pengundi akan membuat perkiraan yang

munasabah semasa pilihan raya. Ironinya, kajian klasik dalam perilaku mengundi mendapati pengundi membuat keputusan berdasarkan identifikasi parti atau simpati terhadap parti. Negara demokrasi Barat, kajian-kajian yang dilakukan pada tahun 1950 dan 1960 mendapati parti-parti politik mendapat sokongan yang stabil daripada penyokong mereka dan membolehkan sistem dua parti berlangsung secara berterusan dan era ini dirujuk sebagai ‘partisan’ (partisan alignment).²⁰ Faktor seperti kelas, umur, jantina, agama, kewilayahan atau rantau (regional) dikatakan menjadi penentu utama dalam perilaku pengundi semasa era ‘partisan’ (Denver, 1989: 30-39).

Walaupun bagaimanapun, kajian-kajian terhadap perilaku pengundi yang dijalankan di negara demokrasi Barat selepas tahun 1970 menunjukkan kumpulan pengundi yang membuat penilaian terhadap prestasi kerajaan semakin bertambah bilangannya dan bertanggungjawab terhadap peningkatan kadar turun-naik undi (volatility) yang diterima oleh parti-parti bertanding semasa PRU (Dalton et. al., 1984). Pengundi yang biasanya dikaitkan dengan parti tertentu seperti Demokrat di Amerika Syarikat, mula mengalihkan undi mereka kepada parti lawan, iaitu Republikan. Di Britain, pengundi daripada kelas pekerja yang biasa mengundi parti Buruh mengalihkan undi mereka kepada parti Konservatif. Era ini biasanya dirujuk sebagai ‘kerenggangan parti’ (partisan dealignment).²¹ Kenapa pengundi tidak lagi berpaut pada parti atau menjadi semakin kurang simpati terhadap parti? Dalton (et. al., 1984: 15-22) meringkaskan tujuh teori yang cuba menjelaskan period peralihan undi tersebut, iaitu: a) kemunculan kelas menengah; b) mobiliti sosial; c) ‘mass society’; d) integrasi antara komuniti; e) peningkatan tahap literasi politik; f) sistem parti yang semakin ‘tua’; dan g) perubahan sistem nilai.

²⁰ David Denver (1989: 29).

²¹ Ibid. (46-47)

Banyak kajian menunjukkan bahawa peningkatan taraf literasi umum, peningkatan maklumat politik menerusi media, khususnya televisyen, tidak lagi menjadikan pengundi terikat dengan parti untuk mendapat maklumat politik. Keupayaan kognitif membolehkan pengundi menilai isu-isu utama semasa kempen, menilai prestasi penyandang dan keberkesanan pemimpin atau calon yang bertanding (Fiorina, 1981; Denver, 1989; Dalton, 1984, 2007, 2012).

Perkembangan ini turut menyumbang kepada peralihan dalam pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk memahami perilaku pengundi. Semasa era ‘partisan’, model sosiologi amat berpengaruh dan digunakan secara meluas khususnya di Amerika Syarikat dan di Eropah Barat. Di zaman ‘kerenggangan parti’, model pilihan rasional yang mengandaikan pengundi membuat penilaian terhadap aspek ekonomi, prestasi kerajaan, kepimpinan parti dan isu-isu didapati amat berguna (Harrop and Miller, 1987: 162).

Sehubungan dengan penggunaan model pilihan rasional, beberapa konsep baru untuk menggambarkan perilaku pengundi telah dipopularkan oleh para pengkaji. Antaranya ialah konsep ‘pengundi retrospektif’, ‘pengundi ekonomi’, ‘pengundi taktikal’ dan ‘PAB’. ‘Pengundi retrospektif’ merujuk kepada pengundi yang membuat penilaian terhadap prestasi penyandang sebelum membuat keputusan pengundi (Fiorina, 1981; Keys, 1961). Pengundi ‘retrospektif’ biasanya akan mengekalkan parti penyandang sekiranya mereka dapati prestasi parti penyandang khususnya dalam aspek polisi adalah memuaskan. ‘Pengundi ekonomi’ biasanya merujuk kepada pengundi yang mengambil kira petunjuk ekonomi seperti kadar inflasi, pengangguran dan pertumbuhan ekonomi secara umumnya dalam membuat keputusan mengundi (Pattie dan Johnston,

1997; Lewis-Beck, 2006; Sanders, 2000). ‘Pengundi ekonomi’ memberi fokus terhadap polisi ekonomi dan mengaitkan pilihan parti dengan ukuran kejayaan ekonomi.

‘Pengundi taktikal’ merujuk kepada pengundi yang membahagikan undi mereka terhadap parti yang berlainan untuk peringkat PRU yang berbeza. Misalnya bagi pemilihan Presiden Amerika Syarikat, pengundi memilih calon daripada parti Demokrat, tetapi bagi pemilihan ke ahli Kongres pengundi memilih calon daripada parti Republikan (Dalton, 20012: 283). Dengan kata lain, ‘pengundi taktikal’ mengamalkan ‘split ticket’ dalam pengundian mereka. Helen Catt (1996: 112) menyatakan bahawa ‘pengundi taktikal’ membuat pertimbangan berdasarkan sentimen suka atau tidak suka terhadap sesebuah parti dan berusaha memastikan parti yang mereka tidak suka dikalahkan dalam pilihan raya. ‘Pengundi taktikal’ juga kadang kala dirujuk sebagai ‘pengundi ekspresif’ (Alvarez, Boehmke and Nagler, 2006). Ini adalah kerana mereka menggunakan pilihan raya untuk menyatakan pendapat mereka berhubung dengan sesuatu isu (keadaan ekonomi, jenayah, imigrasi, rasuah) tanpa mengira penglibatan mereka dengan parti.

‘PAB’ merujuk kepada pengundi yang tidak terlibat atau menyokong mana-mana parti, mereka minat mengikuti perkembangan politik dan berpendidikan tinggi. Dalton (2012: 274-86), menyatakan ‘pengundi apartisan’ biasanya: a) membuat penilaian terhadap polisi yang ditawarkan oleh parti sebagai asas utama dalam memilih parti; b) mengamalkan ‘split ticket’ dalam pengundian; dan c) membuat keputusan semasa tempoh kempen atau beberapa hari sebelum hari mengundi. ‘PAB’ dimobilisasikan oleh pendidikan dan mempunyai kemahiran dalam mengumpul maklumat dan sering mengalihkan undi mereka dalam setiap kali PRU (Dalton, 1984, 2007 dan 2012).

1.8.3 Konsep Literasi Politik

Para sarjana sains politik membuat spekulasi bahawa pendidikan formal dan meningkatnya tahap penyertaan politik dalam kalangan masyarakat menandakan tahap literasi politik semakin meningkat. Nie, Jun dan Stehlik-Barry (1993), dipetik daripada Cassel dan Lo (1997) menyatakan,

Through its impact on cognitive ability, education not only greatly facilitates the acquisition of political information, but it similarly dramatically lower the cost gaining, pursuing, and integrating political knowledge (Nie, Jun dan Stehlik-Barry, 1993) dipetik daripada Cassel dan Lo (1997: 319).

Bagi Denver dan Hands (1990: 263), literasi politik berlaku apabila masyarakat mempunyai *'knowledge and understanding of the political process and political issues which enables people to perform their role as citizen effectively'*. Strate et al. (1989) menyatakan literasi politik *'melibatkan pengetahuan politik, minat dan pendedahan terhadap media'*.

Bernard Crick (2000: 61) dalam tulisannya bertajuk *Essays on Citizenship*, menyatakan bahawa literasi politik, *'merupakan kebolehan memahami isu-isu utama politik dan dapat membezakan pendirian antara parti-parti politik'*. Menurut beliau lagi, menyatakan literasi politik mengandungi dua dimensi utama iaitu, a) dimensi idea – kefahaman mengenai konsep-konsep asas politik seperti demokrasi, pengagihan kuasa, toleransi, keadilan dan tahu kaedah untuk membuat perubahan, dan b) kefahaman

terhadap institusi - misalnya, perbezaan pendirian parti-parti politik, birokrasi, kehakiman, parlimen, NGO dan PRU (Crick , 2000: 69-74).

Dalton (1984, 2007, 2012) menggunakan dua ukuran utama untuk menilai tahap literasi politik, iaitu: a) pendidikan – mewakili komponen kemahiran kognitif; dan b) minat - mewakili komponen motivasi. Kedua-dua ukuran ini digabungkan untuk menerangkan konsep literasi politik. Apakah hubungan antara literasi politik dan perilaku pengundi? Aspek pendidikan yang lebih baik dan minat mengikuti perkembangan politik membolehkan masyarakat memahami kompleksiti dunia politik dan membuat keputusan mereka sendiri tanpa bergantung kepada parti (Dalton, 2012: 36-37). Literasi politik memandu masyarakat dalam membuat pilihan semasa mengundi dan menukar asas dalam membuat keputusan mengundi seperti memilih berdasarkan parti, calon, matlamat politik (polisi) atau isu-isu utama.

Mengikut Dalton (1984, 2007, 2012), untuk jangka masa yang panjang pengundi telah dimobilisasi oleh parti. Pembangunan ekonomi, perluasan pendidikan dan pertambahan sumber maklumat seperti media massa menyebabkan ada antara pengundi yang dimobilisasikan oleh literasi politik. Pertemuan antara dua aspek mobilisasi tersebut menghasilkan empat kategori pengundi yang berbeza.

Rajah 2.1 di bawah menunjukkan kategori pengundi yang terhasil daripada pertemuan dua jenis mobilisasi tersebut. Empat kategori itu ialah: a) pengundi atas pagar berketerampilan (PAB, bebas parti dengan tahap literasi tinggi); b) pendokong parti berketerampilan (PPB, beridentitikan parti walaupun tahap literasi tinggi); c) pengundi tidak minat politik (TMP, bebas parti dan rendah literasi); dan d) pendokong setia parti (PSP, beridentitikan parti dengan tahap literasi politik rendah). Setiap

kategori pengundi tersebut berbeza dalam proses membuat keputusan. Sebagai contoh, asas utama kepada proses pembuatan keputusan bagi kategori pengundi PAB adalah penilaian terhadap polisi dan isu spesifik. Sementara itu, bagi kategori PPB pula, penilaian dibuat terhadap polisi dan kriteria calon. Bagi PSP, asas utama kepada pembuatan keputusan ialah parti dan kepada TMP, asasnya ialah calon.

MOBILISASI PARTI			
		TANPA PARTI	LEMAH/KUAT
LITERASI POLITIK	TINGGI	Pengundi Atas Pagar Berketerampilan (PAB)	Pengundi Partisan Berketerampilan (PPB)
	RENDAH	Tidak Minat Politik (TMP)	Pengikut Setia Parti (PSP)

Rajah 1.1: Kategori pengundi dan perbezaan mobilisasi

Sumber: Dalton (1984, 2007, 2012)

Kategori TMP dan PAB berpotensi mengalihkan sokongan mereka setiap kali PRU diadakan kerana mereka tidak ‘setia’ terhadap mana-mana parti, tetapi PAB lebih kuat pengaruhnya kerana lebih meminati politik dan tahap literasi politiknya lebih tinggi. Antara kategori PPB dan PSP, PPB lebih berpotensi mengalihkan sokongan mereka berikutan tahap literasi politiknya yang agak tinggi. Semakin maju tahap pendidikan, golongan pengundi seperti PAB dan PPB akan semakin membesar dan

turun naik dalam undi popular yang diperolehi oleh parti-parti politik akan menjadi lebih ketara (Dalton, 1984: 264-84). Berikutan perubahan tahap literasi politik,

Political activity is not limited to “elite-mobilized” participation such as campaign or party activity. With more develop political skills, citizen can initiate and focus activism through “elite-challenging” participation. The result is weakening of traditional political structures and a shift in the style of political participation (Dalton et. al., 1984: 18).

Ronald Inglehart (1970: 47) menyatakan literasi politik merujuk kepada ‘*the increasingly wide distribution of political skill necessary to cope with extensive political community*’. Masyarakat mula menghargai institusi demokrasi dan mengenakan tekanan untuk mendapatkannya. Pengarang yang sama menyatakan,

“..cognitive mobilization (reflecting rising level of formal education, political information, and cognitive skills) was making the public of advance industrial societies increasingly likely to engage in interventionist, elite challenging politics” (Inglehart, 1977: 291-321).

Inglehart (1990) mengemukakan bukti bahawa peningkatan dalam penguasaan kemahiran maklumat politik di kalangan warganegara telah menukar asas politik di negara perindustrian barat. Berdasarkan perbincangan di atas, kebanyakan pengkaji merumuskan bahawa ukuran kepada literasi politik ialah pendidikan, minat terhadap politik dan proses penyertaan politik yang lebih aktif dan cenderung kepada mencabar mencabar elit politik (elite-challenging participation).

1.9 Organisasi Kajian

Bab II mengandungi tinjauan terhadap kajian terdahulu yang telah dilakukan di luar negara dan juga di Malaysia. Disamping itu bab ini menghuraikan peralihan tumpuan dan transformasi yang berlaku dalam pendekatan utama yang digunakan dalam kajian perilaku pengundi, wacana dalam kajian perilaku pengundi di Malaysia, model kajian yang digunakan dalam kajian ini dan diakhiri dengan hipotesis kajian.

Bab III membincangkan latar belakang PRU di Malaysia, perkembangan dan perubahan tahap literasi politik daripada zaman kolonial sehingga zaman pasca kemerdekaan. Perubahan corak mobilisasi daripada institusi kepada idea dan seterusnya faktor-faktor yang membolehkan berlakunya pertemuan antara dimensi instiusi dan idea politik semasa zaman Abdullah Hj. Ahmad Badawi.

Bab IV membincangkan kesan pertemuan antara dimensi literasi politik dan corak pengundian di Malaysia semasa PRU 12 dengan berpanduan kepada data-data agregat dan kajian terdahulu yang memfokuskan kepada individu atau personal. Perincian ke atas corak perilaku pengundi akan hanya tertumpu kepada kawasan campuran.

Bab V membincangkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan terutamanya dalam aspek kategori pengundi, kekuatan mobilisasi institusi dan idea mengikut umur dan kelas sosial, masa mengundi dan asas dalam membuat keputusan mengundi. Sebelum itu, bab ini menghuraikan latar belakang kemasukan parti-parti politik Melayu ke kawasan bandar secara umum.

Perbincangan dalam Bab VI memberi fokus terhadap relevan isu-isu utama, peranan penilaian terhadap ekonomi, kualiti hidup, tadbir urus dan kepimpinan mengikut kategori pengundi. Berikutnya, penentu pengundian bagi setiap kategori pengundi akan diuraikan.

Akhir sekali dalam VII, kesimpulan daripada keseluruhan hasil kajian dan kaitannya dengan objektif kajian seperti dinyatakan dalam bab I dibincangkan. Bab ini seterusnya membincangkan hasil penemuan dalam kerangka perkembangan paradigma analisis sains politik dan etnisiti di Malaysia dan relevansi teori literasi politik dalam konteks tersebut. Bab ini diakhiri dengan cadangan bagi kajian lanjut yang boleh dilakukan pada masa hadapan.